

14 MAY 1997

DR MAHATHIR UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA MOHD ZIN

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan takziah kepada seluruh anggota keluarga Ketua Menteri Melaka Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yang meninggal dunia di Hospital Tawakal di sini hari ini setelah diserang angin ahmar.

Perdana Menteri menziarahi jenazah Allahyarham di hospital itu sebaik mendapat berita sedih itu dan berada di sana lebih sejam sehingga jenazah diusung keluar untuk dibawa ke kediaman Allahyarham di Melekek, Melaka.

Jenazah dibawa menaiki sebuah van polis pada pukul 6.30 petang dengan diiringi beberapa anggota polis bermotosikal.

Yang turut berada di Hospital Tawakal ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Nor, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Dr Mahathir menziarah Mohd Zin Ahad lepas, iaitu pada hari pertama beliau dimasukkan ke hospital. -- BERNAMA

ZAI NAS AKD